

Mendengar radio/ TV pada nada tinggi.

Kurang pemahaman semasa berkomunikasi / tidak buat apa yang diajar.

Selalu mengasingkan diri, tidak peka kepada persikataran dan berada didalam dunia sendiri.

Apa yang perlu kita lakukan?

- *Jika anak anda mempunyai satu atau lebih dari indicator yang diberikan, kemungkinan anak anda mempunyai masalah pendengaran.*
- *Mereka ini perlu mendapatkan pemeriksaan doctor. Ia boleh dilakukan bila-bila masa termasuk kepada bayi yang baru lahir.*
- *Pemeriksaan juga boleh dilakukan oleh pakar Audiologist/ Jurupulih pertuturan. Pemeriksaan awal perlu dilakukan supaya kelewatan yang menjejaskan karier kanak-kanak itu dapat diatasi.*

MASAALAH PENDENGARAN

Kajian menunjukkan bahawa setiap 3-6 daripada 1000 kelahiran mempunyai masalah pendengaran. Kanak-kanak juga terdedah kepada masalah pendengaran disebabkan penyakit di telinga tengah. Anda, ibubapa/ penjaga adalah orang yang

dekat dengan mereka untuk mengenali masalah ini. Sila dapatkan nasihat daripada Doktor anda untuk memastikan anak anda tiada masalah pendengaran.

Semua kanak-kanak sepatutnya membuat ujian saringan pendengaran sebelum ke sekolah. Dengan ini, masalah kurang pendengaran yang kecil juga dapat dikenalpasti. Hilang pendengaran yang lambat dikesan, menyebabkan kanak-kanak ini tercicir persekolahan. Ia juga melibatkan masalah pertuturan dan komunikasi. Bukan sahaja dirinya terasa terasing, malah pendidikan juga merosot.

Kurang pendengaran boleh disebabkan oleh masalah wax atau cecair didalam telinga. Kakan-kanak ini boleh dirawat oleh doctor di Jabatan Otorinolaringologi (Ini adalah kehilangan pendengaran sementara).

Ada juga kalangan kanak-kanak yang mengalami masalah kurang pendengaran kekal disebabkan kerosakan deria pendengaran. Dikalangan mereka ini, ada yang masih mempunyai harapan untuk menggunakan alat bantuan pendengaran. Sementara yang lain akan dibantu melalui pembedahan Pacakan Koklear.

Pengesanan awal membolehkan rawatan rehabilitasi dilakukan lebih awal. Ini dapat meningkatkan tahap pendidikan dan menggunakan pendengaran secara maximum dan memperbaiki masalah komunikasi kanak-kanak tersebut.

ADAKAH ANAK SAYA MEMPUNYAI PENDENGARAN NORMAL?



JABATAN OTORINOLARINGOLOGI
HOSPITAL MELAKA

ADAKAH ANAK SAYA MEMPUNYAI PENDENGARAN NORMAL?

Jika anda memikirkan anak anda mempunyai masalah pendengaran, anda mungkin betul. Dibawah adalah panduan untuk anda mengenalpasti kemungkinan anak anda mempunyai masalah pendengaran. Cuba baca dengan teliti jika ia berkaitan dengan anda, keluarga anda atau anak anda.

INDIKATOR YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMASTIKAN KURANG PENDENGARAN.

Semasa mengandung.

- Ibu yang dijangkiti Rubella, disebabkan Virus atau demam selsema.
- Ibu minum air beralkohol atau merokok.

Bayi baru lahir.

- Berat badan < 1.6 kg / 3.5 Ibs .masa lahir.
- Kecacatan semasa lahir terutama muka dan telinga.

- Jaundis yang memerlukan pemindahan darah.
- Mendapat rawatan rapi di SCN.
- Radang Otak.
- Mengalami penyakit kronik memerlukan rawatan khas.

Keluarga:

Mempunyai sejarah seorang / lebih ahli keluarga yang mengalami penyakit kurang pendengaran semasa kecil.

Bayi dari umur 1 bulan ke 2 tahun.

- Menerima ubat melalui suntikan intravena.
- Radang Otak.
- Masalah Saraf (Neurological disorder)
- Kemalangan melibatkan kepala.
- Telinga bernanah melebihi 3 bulan.

MENGENAL PASTI KURANG PENDENGARAN KANAK- KANAK.

Bayi (Baru lahir hingga 6 Bulan).

Tidak terperanjat, bergerak, menangis atau bertindak balas kepada bunyi bising yang

terjadi tiba-tiba seperti bunyi guruh/ letupan.

Tidak terjaga dari tidur apabila bunyi bising yang kuat.

Tidak bertindak balas pada ransangan bunyi dan tidak menoleh kearah bunyi apabila dirangsang.

Kanak-kanak (6 – 12 bulan).

Tidak melihat kepada ibubapa apabila dipanggil.

Tidak mengeluarkan suara/ babbling.

Selepas 12 bulan, masih tidak faham perkataan mudah seperti melambai Bye-bye, tepuk tangan.

Tidak respon pada bunyi.

Tidak respon bila nama dipanggil.

Kanak-kanak (1 – 2 tahun).

Tidak menoleh kearah yang betul semasa nama dipanggil dengan nada perlahan.

Tidak peka dengan nada bunyi persekitaran.

Pertuturan yang tidak sempurna atau tersekat.